
MEDIA CLIPPING

Client :	Matrix Concepts Holdings Berhad	Date :	19 May 2016
Media :	Bernama (online)	Section :	Business
Language :	Malay		

Matrix Concepts Catat Untung Pracukai RM357.31 Juta

KUALA LUMPUR, 19 Mei(Bernama) -- Pemaju hartanah, Matrix Concepts Holdings Bhd mencatat keuntungan sebelum cukai sebanyak RM357.31 juta manakala perolehannya berjumlah RM912.23 juta bagi tahun kewangan 2015/2016 berakhir 31 Mac, 2016.

Dalam kenyataannya kepada Bursa Malaysia pada Khamis, Matrix Concepts berkata ia tidak menyertakan sebarang angka perbandingan susulan langkah syarikat mengubah penggal akhir tahun kewangan daripada 31 Dis kepada 31 Mac dan tempoh kajian kewangan semasa itu merangkumi 15 bulan.

Bagi suku kewangan berakhir 31 Mac, 2016, syarikat itu mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM70.8 juta berbanding RM155.4 juta bagi tempoh tiga bulan berakhir 31 Mac, (20153MFY15).

Perolehannya bagi suku itu juga rendah pada RM211.3 juta berbanding RM317.6 juta, sebelum ini.

Ia menyifatkan keputusan lebih rendah bagi suku semasa berbanding suku pada 2015 adalah disebabkan kemerosotan jualan hartanah perindustrian yang lazimnya memberi margin lebih baik.

Biarpun syarikat itu berjaya meningkatkan perolehan disumbangkan segmen termasuk pendidikan dan operasi kemudahan "clubhouse" atau bangunan kelab di kawasan perumahan, namun keuntungan sebelum cukainya merosot berikutan kerugian dialami segmen itu berbanding 3MFY15.

Berbanding tahun kewangan (12 bulan) berakhir 31 Dis, 2014, perolehan kasarnya berkembang sebanyak 52.3 peratus daripada RM598.8 juta manakala keuntungan bersih meningkat 43.3 peratus daripada RM182.2 juta yang melangkaui paras 25 peratus yang diperlukan bagi suku tambahan pada 15 bulan tahun kewangan 2015/2016.

Setakat 31 Mac, 2016, Matrix Concepts mempunyai projek di Bandar Sri Sendayan (BSS), Negeri Sembilan dan Bandar Sri Impian (BSI) di Kluang, Johor bernilai RM1.5 bilion dengan purata belian sebanyak 74 peratus.

Pengerusi Matrix Concepts Datuk Mohamad Haslah Mohamad Amin berkata syarikat itu menasaskan untuk meningkatkan perolehan jualan hartanah komersial di BSS dan BSI dalam tempoh dua tahun akan datang bagi menyumbang 15 peratus kepada perolehan kumpulan.

-- BERNAMA